

# QV FLARE UP BATH OIL

Benzalkonium Chloride/Triclosan/Light Liquid Paraffin (2% w/w/0.7% w/w/65.1% w/w)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan QV Flare Up Bath Oil
2. Bagaimana QV Flare Up Bath Oil berfungsi
3. Sebelum menggunakan QV Flare Up Bath Oil
4. Cara menggunakan QV Flare Up Bath Oil
5. Semasa menggunakan QV Flare Up Bath Oil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan QV Flare Up Bath Oil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan QV Flare Up Bath Oil

- Rawatan tambahan emolien untuk ekzema (keradangan lapisan luar kulit) berulang di mana jangkitan sekunder *staphylococcus aureus* merupakan masalah.
- QV Flare Up Bath Oil melegakan ekzema atopik (keradangan lapisan luar kulit).

## Bagaimana QV Flare Up Bath Oil berfungsi

- Formula dwi tindakan yang mengurangkan tahap bakteria dan membantu mencegah kehilangan lembapan.
- Menenangkan kulit gatal-gatal dan mengurangkan kekasaran dan kulit bersisik.
- Meninggalkan filem nipis minyak oklusif pada kulit yang membantu untuk menghidrat semula kulit.

## Sebelum menggunakan QV Flare Up Bath Oil

- Bila tidak boleh menggunakan  
Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan dalam produk ini.

Tidak disyorkan untuk bayi di bawah 6 bulan.

### - Sebelum mula menggunakan

Sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini.

### - Jika menggunakan ubat-ubat lain

Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan QV Flare Up Bath Oil

### - Berapa banyak harus digunakan

1. Isi tab mandi dengan air. Pastikan ada sekurang-kurangnya cukup air dalam tab mandi untuk menenggelamkan botol QV Flare Up Bath Oil sehingga petanda 'fill line.'
2. Tambah QV Flare Up Bath Oil ke air mandian setitik demi setitik, kacau air perlahan-lahan dengan tangan bagi memastikan produk itu teragih secara sama rata. Air akan mula menjadi mendung.
3. Terdapat dua panel pada bahagian belakang botol QV Flare Up Bath Oil, satu hitam, dan satu kelabu. Rendamkan botol dalam air mandian sehingga 'fill line' pada botol dan paras air di dalam tab mandi bertindih.
4. Terdapat cukup QV Flare Up Bath Oil di mandian jika panel kelabu sebatu dengan keadaan mendung air dan tidak lagi kelihatan. Anda masih akan dapat melihat panel hitam.
5. Jika kedua-dua panel masih kelihatan, ulang langkah 2 hingga 3 sehingga hanya panel hitam boleh dilihat.  
*Sila ambil perhatian bahawa panel tidak akan berubah warna dalam apa-apa cara, dan masih akan hadir apabila pek dikeluarkan dari air.*
6. Jika tiada panel boleh dilihat, maka terdapat terlalu banyak QV Flare Up Bath Oil di dalam air. Tambah lagi air ke air mandian

dan ulangi langkah 2 hingga 3 sehingga hanya panel hitam boleh dilihat.

### - Bila perlu digunakan

Berendam dalam mandian sekali sehari selama 10-15 minit. Perlahan-lahan tepuk kering kulit.

### - Berapa lama perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

### - Jika menggunakan berlebihan

#### (terlebih dos)

Tiada maklumat yang berkenaan dengan penggunaan topikal yang berlebihan pada manusia dilaporkan.

## Semasa menggunakan QV Flare Up Bath Oil

### - Perkara yang perlu dilakukan

Elakkan daripada terkena mata. Untuk kegunaan luaran sahaja.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan apabila ia tidak dicairkan atau tidak dicairkan dengan secukupnya. Jangan telan. Jangan gunakan dengan sabun atau detergen kerana ini boleh mengurangkan aktiviti *benzalkonium klorida*.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika produk memasuki mata, bilas dengan teliti menggunakan air bersih. Jika ada sebarang ketidakselesaian, hentikan penggunaan.

## Kesan-kesan sampingan

Alahan kepada mana-mana bahan boleh menyebabkan kerengsaan kulit. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*).

# QV FLARE UP BATH OIL

Benzalkonium Chloride/Triclosan/Light Liquid Paraffin (2% w/w/0.7% w/w/65.1% w/w)

---

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### QV Flare Up Bath Oil

#### - Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

#### - Pelupusan

QV Flare Up Bath Oil tidak patut dibuangkan dengan sisa-sisa buangan isi rumah. Sila merujuk kepada ahli farmasi anda untuk cara-cara pelupusan QV Flare Up Bath Oil yang tidak diperlukan lagi. Langkah- langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

QV Flare Up Bath Oil ialah minyak mandi jernih yang tidak berwarna ataupun berwarna jerami dalam botol 200ml.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *benzalkonium klorida, triclosan, light liquid paraffin.*
- Bahan tidak aktif: *butylated hydroxytoluene, isopropyl myristate, laureth-3, oleyl alcohol.*

#### - Nombor MAL:

MAL10100038X

## Pengilang

Ego Pharmaceuticals Pty. Ltd.  
21-31 Malcolm Road,  
Braeside, 3195  
Australia

## Pemegang Pendaftaran Produk

Ego Pharm Malaysia Sdn. Bhd.  
1-6 Block A, 72A Jln Universiti,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

## Tarikh Kemaskini RIMUP

18/08/2017

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)140817/00206